

Malaysia Sedia Sambut Lebih Ramai Pelancong, Bakat Dan Peniaga Jerman Tahun Ini
Bernama
6 Mac, 2014

KUALA LUMPUR, 6 Mac (Bernama) -- Malaysia bersedia menyambut lebih ramai pelancong, bakat dan masyarakat perniagaan Jerman tahun ini berikutan infrastruktur pelancongan, perkhidmatan dan industri di negara ini semakin meningkat, kata Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz.

Bercakap pada Internationale Tourismus - Borse Berlin (ITB) 2014, beliau berkata 136.749 warga Jerman tiba di Malaysia tahun lepas atau peningkatan 4.2 peratus berbanding 2013.

"Industri itu menyasarkan untuk mengembangkan jumlah hasil pelancongan sebanyak 300 peratus pada 2020, dan pasaran pelancong Jerman merupakan bahagian penting dalam strategi kami di EU (Kesatuan Eropah)," katanya dipetik sebagai berkata dalam satu kenyataan Pelancongan Malaysia.

Beliau juga berkata kuasa beli pelancong Jerman dan pilihan mereka untuk destinasi mesra, pantai yang indah, budaya dan makanan, menjadikan Malaysia pilihan semula jadi untuk percutian impian mereka.

Jerman ialah rakan dagang kedua terbesar Malaysia di EU dengan perdagangan dua hala antara Malaysia dan Jerman berjumlah 6.55 bilion euro antara Januari dan September 2013," kata Nazri.

Sempena Tahun Melawat Malaysia 2014, Malaysia juga berharap untuk melabur lebih banyak dalam perkongsian Jerman, berdasarkan lokasi strategik Malaysia di Asia Tenggara seperti Jerman di Eropah, yang merupakan hab rantau masing-masing yang mampu memudahkan perdagangan dan perjalanan hasil daripada kedudukan dan infrastruktur yang baik.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1019680>